



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 8 OGOS 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PROGRAM SMART SBB BANTU TINGKAT PENGELUARAN PADI SABAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 9	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	PENGUSAHA SAYUR LEGA HUJAN SELEPAS DUA BULAN PANAS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 8	
3.	HARGA SAYUR DI JOHOR MELONJAK, LOKAL, HARIAN METRO – 19	
4.	WEE: E-INVOICING POLICY DISRUPTING FISHERMEN'S LIVELIHOOD, NATION, THE STAR – 9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	KEDAI JUAL IKAN PIRANHA DISERBU, NASIONAL, SINAR HARIAN – 21	
6.	PADAH PAMER, JUAL PIRANHA KEDAI DISERBU PIHAK BERKUASA, NEGARA, KOSMO – 5	
7.	'SERANGAN' LALAT JEJAS PERNIAGAAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 28	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	HUKA SURAT
8/8/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Program Smart SBB bantu tingkat pengeluaran padi Sabah



ADLIN Mohamad bangga dapat meneruskan sawah padi keluarganya tetapi dengan bantuan kerajaan dan BERNAS hasil padi kali ini lebih tinggi melalui penggunaan teknologi tinggi.

Oleh ALLEN MAJAWAN
utusannews@mediamula.com.my

KOTA KINABALU: Pesawah di Kota Belud kini menikmati hasil pengeluaran lebih tinggi selepas menyertai program SMART Sawah Berskala Besar (SBB) Ala Sekinchan di bawah syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Salah seorang petani terlibat ialah Adlin Mohamad, 51, yang merupakan generasi ketiga meneruskan usaha arwah ayahnya di Kampung Jawi-Jawi dekat sini. Bermula dengan bidang pertanian sejak umur 18, sistem pertanian beliau yang dahulunya secara tradisional menggunakan kerbau untuk membajak sawah kini berubah ke sistem yang lebih moden.

Antara teknologi yang diaplikasikan dalam perusahaan beliau termasuklah menggunakan jentera pembajakan serta kaedah drone untuk memantau ladang.

Kini, beliau memainkan peranan yang lebih strategik dengan menyelia operasi dan menguruskan pasukan peladang, menggabungkan pengalaman tradisionalnya

dengan kaedah pertanian moden. Kebanyakan proses kini tertumpu pada pemantauan, perancangan dan pengurusan, dan bukannya kerja fizikal semata-mata.

Rutin kerja harian beliau bermula dengan peninjauan kawasan ladang, kemudian membuat penjadualan bagi menyiram padi.

Adlin memberitahu bahawa terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh petani-petani padi pada zaman sekarang.

Antaranya adalah peningkatan kos pembajakan, serta peningkatan harga racun yang dikatakan beliau sebanyak 50 ke 70 peratus.

"Alhamdulillah, baru-baru ini kita telah dibantu oleh kerajaan untuk meningkatkan subsidi harga padi dan harga lantai padi.

"Tapi kami memohon kepada kerajaan untuk membantu dari segi penetapan kos kenaikan racun dan pembajakan.

"Harga lantai juga harus dikawal supaya pihak kontraktor tidak boleh sewenang-wenangnya menaikkan kos," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Adlin turut berterima kasih kepada pihak BERNAS kerana telah memilih Kampung Jawi-Jawi sebagai projek perintis SMART SBB pertama di Sabah pada 2022. Menurut beliau, petani-petani di kawasan seluas lebih kurang 41 hektar tersebut telah berjaya meningkatkan ekonomi mereka berbanding dahulu.

Tambahnya, bimbingan yang diberikan oleh BERNAS juga telah membantu mereka untuk mengubah cara pengusahaan daripada kaedah tradisional ke moden. Terdapat 19 peserta program SMART SBB di kawasan Kampung Jawi-Jawi.

"Menggunakan kaedah tradisional, dulu kami hanya dapat hasil lebih kurang dua hingga tiga tan metrik per hektar (mt/ha).

"Dengan projek SMART SBB ini, kami dapat hasil sebanyak 4.11 tan mt/ha pada musim pertama.

"Dan lebih membanggakan lagi, tahun ini kami telah mencapai hasil sebanyak 4.56 mt/ha," beliau

berkata.

Adlin juga menyatakan rasa syukur kerana semua peserta program tersebut telah dibekalkan dengan benih padi TR8, iaitu satu benih yang sesuai dengan keadaan kawasan tersebut dan dapat menahan daripada serangan serangga.

"Tetapi kalau boleh, kami ingin minta agensi pertanian untuk membekalkan varieti benih padi yang baru.

"Ini kerana kami telah lama menggunakan benih TR8 ini, jadi mungkin terdapat varieti baru yang boleh meningkatkan lagi hasil pertanian di kawasan kami," kata beliau.

Sebagai penyumbang kepada memastikan keterjaminan makanan negara melalui penghasilan makanan ruji, beliau juga berkongsi harapan bagi masa depan industri ini.

Adlin berharap pihak kerajaan agar terus membantu para petani dalam pelbagai bidang seperti melalui program SMART SBB.

"Kami mohon agar program seperti ini diteruskan dan diperluaskan lagi di Sabah, dan agar peruntukan ditambah untuk semua agensi yang berkaitan. "Dan sebab kami juga ada mengalami sedikit masalah infrastruktur, kami juga berharap kerajaan untuk menambah kos pembangunan infra," kata beliau.



ADLIN Mohamad dengan benih padi varieti TR8 yang dibekalkan melalui program SMART SBB.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/8/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Pengusaha sayur lega hujan selepas dua bulan panas

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulia.com.my

TANJUNG MALIM: Hujan lebat selama dua jam di beberapa kawasan di negeri ini kelmarin memberi kelegaan besar kepada pengusaha ladang sayur di Kuala Bekam, Sungkai, selepas hampir dua bulan berdepan cuaca panas berterusan.

Pengurus Egi Group, Alan Yang berkata, ladang syarikat seluas 100 ekar yang mengusahakan tanaman sayur dan bawang terjejas teruk akibat kekurangan air. Cuaca panas menyebabkan tanah merekah, manakala tanaman bawang yang baru ditanam mula layu dan tidak membesar dengan baik.

"Sejak dua bulan lalu cuaca sangat panas dan ini mengganggu perancangan kami untuk memulakan tanaman baharu. Walaupun kami teruskan juga, kekurangan air menyebabkan pertumbuhan anak pokok terganggu dan kualiti hasil juga terjejas," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Selain bawang, Egi Group turut menanam sayur-sayuran



ALAN Yang (kanan) meninjau keadaan pokok bawang yang baharu ditanam selepas hujan kelmarin di ladangnya di Sungkai dekat Tanjung Malim, Perak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

lain, labu manis serta pokok kopi yang semuanya memerlukan air mencukupi untuk pertumbuhan optimum.

Alan berkata, tanaman seperti bawang memerlukan sekurang-kurangnya satu jam siraman air mencukupi setiap hari bagi memastikan hasil berkualiti. Namun cuaca panas yang berpanjangan menyebab-

kan tanaman terdedah kepada risiko kerosakan dan merugikan pengusaha.

"Hujan kelmarin walaupun sekejap, sekurang-kurangnya menyegarkan kembali tanaman kami yang baru ditanam. Ia belum cukup untuk kegunaan jangka panjang, tetapi pokok dapat manfaat daripada hujan itu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/8/2025	HARIAN METRO	LOKAL	19

Harga sayur di Johor melonjak

Johor Bahru: Cuaca panas melampau sejak beberapa minggu lalu dipercayai punca lonjakan harga sayur-sayuran di pasaran terutama sayur berdaun hijau.

Tinjauan di beberapa kedai makan dan pasar raya mendapati harga beberapa jenis sayur meningkat sekali ganda berbanding dua minggu lalu.

Peniaga makanan, Mohamad Izam Seran, 54 berkata, kenaikan harga sayur mula dirasai ming-

gu ini.

"Dua minggu lepas sayur bendi RM4 sekilogram (kg) sekarang naik RM8. Bayam pula dari RM2.50 sudah jadi RM4.50kg. Kangkung juga lebih kurang harga bayam.

"Timun yang dulu RM1.50kg sekarang harga jadi RM3. Serai pun naik dari RM4.50 ke RM5.50. Halia dari RM7 naik RM8kg. Cili merah dan cili hijau paling ketara, dari RM9 sekarang jadi RM11 atau RM12 sekilo.

"Tetapi harga kobis dan

lobak merah kekal stabil dan tidak berubah buat masa ini,"katanya ketika ditemui di medan selera di Jotic di sini, semalam.

Menurut Mohamad Izam, dia tidak menolak kemungkinan cuaca panas menyebabkan hasil tanaman kurang dan bekalan terhad, sekali gus mendorong kenaikan harga secara mendadak.

"Masalahnya harga sayur contoh hari ni murah, esok harga sayur boleh mahal ia tidak menentu," katanya.

8/8/2025

THE STAR

NATION

9

Wee: E-invoicing policy disrupting fishermen's livelihood

TRADITIONAL fishing communities risk being 'pushed aside' by the e-invoicing policy, which remains bogged down by red tape, says Tanjong Pagar MP Datuk Seri Wee Jee Seng (pic).

He urged the government to address mounting challenges faced by owners and operators of licensed Zone B and Zone C fishing vessels, particularly the costly and time-consuming process of ownership transfers – now mandatory for e-invoicing compliance.

"This bureaucratic red tape, coupled with high costs, is threatening the livelihoods of traditional fishing operators. Has a proper social impact study been done before implementing this policy?" he said during debate on the 13th Malaysia Plan (13MP).

Wee proposed a moratorium or temporary relaxation of the requirement, especially for small-scale fishermen struggling with finances and documentation.

A one-off solution, he said, should be introduced to simplify the process and prevent disruptions to economic activity.

While welcoming plans under 13MP to modernise the fishing industry through integrated fisheries hubs, Wee criticised a recent shift in labour policy that bans Zone B operators from hiring foreign workers –



previously allowed under the 6P programme – turning their existing crews illegal overnight.

"Most locals are unwilling to work under harsh sea conditions.

"Will the government review this policy, which has clearly disrupted operations and created uncertainty?" he said.

Wee also urged for a more flexible enforcement approach, proposing that technical or minor administrative offences be handled by the Fisheries Department through compounds, instead of court action led by the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA).

Wee warned the industry is nearing

StarProperty FAIR 2025

7-10 August 2025
10am - 10pm

Central Concourse, Ground Floor
Mytown Shopping Centre

FREE ADMISSION

Learn More

collapse, with many already incurring heavy losses.

He called for consistent, meaningful engagement with stakeholders such as the Malaysian Fishery Enterprises Association to ensure that future policies are transparent, practical and fair.

He also criticised the reduction of diesel capacity for Zone B boats from 12,000 to 6,000 litres, saying it has forced fishermen to retrofit engines with turbochargers, creating licensing issues since permits allow only up to 300 horsepower.

He called for a review of both the horsepower cap and related diesel charges.

On jetty operations, he raised concerns over monopolistic practices and pricing control at Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) facilities.

He proposed an independent monitoring body to oversee transparent management and prevent abuse.

On urban poverty, Wee said the rising cost of living is hitting city households hard, despite Malaysia's economic growth.

He cited Statistics Department data showing a stark cost gap between rural and urban living – RM1,423 per capita monthly in urban areas, compared to RM927 in rural zones.

He urged the government to reconsider the RM1,700 monthly minimum wage, especially for urban workers, and to expand intervention measures in cities like Kuala Lumpur.

On healthcare access, Wee highlighted urgent needs at the KK3 Serkat health clinic in Pontian, which is operating with an ageing, cramped ambulance lacking CPR equipment.

He appealed for a modern, fully-equipped replacement and long-term plans for a new facility to serve the growing population.

Kedai jual ikan piranha diserbu

Operasi penguatkuasaan
DOF dijalankan susulan
aduan orang awam

Oleh **MUHAMMAD AFHAM RAMLI**
KLANG

Sebuah kedai menjual ikan hiasan di daerah ini diserbu pada Rabu, kerana menjual spesies ikan larangan.

Operasi bermula jam 11 pagi dijalankan oleh Jabatan Perikanan (DOF) Selangor susulan aduan yang diterima daripada orang awam.

Pengarah Perikanan Negeri Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, hasil pemeriksaan mendapati pemilik premis telah menjual, memelihara, menyimpan dan mempamerkan spesies ikan hidup yang mana telah melanggar Peraturan-peraturan Perikanan (Larangan Import, Dsb Bagi Ikan) (Pindaan 2024).

Katanya, spesies ikan yang dirampas terdiri daripada *flower horn* (10 ekor), baung Amazon (15 ekor), *alligator gar* (1 ekor), piranha (3 ekor), *silver dollar* (45 ekor), *tiger shovelnose catfish* (16 ekor) dan *leopard catfish* (12 ekor) bernilai RM18,000.

"Pemilikan ikan larangan tanpa kelulusan sah akan dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya.

"Pelanggaran dan ketidakpatuhan kepada peraturan-peraturan sedia ada akan dikenakan tindakan tegas," katanya pada Khamis.

Jelas beliau, meskipun pelbagai bentuk hebahan dan amaran telah dibuat, namun masih terdapat pemilik kedai yang degil menjual dan mempamerkan spesies ikan hiasan larangan.

Jelasnya, DOF Selangor ingin menegaskan bahawa ketidakpatuhan terhadap peraturan berkenaan tidak boleh dipandang ringan kerana ikan pendatang tersebut telah disenaraikan sebagai yang boleh mengganggu keseimbangan ekosistem akuatik dan mendominasi perairan di negeri ini.



NORAISYAH



DOF Selangor menyerbu sebuah kedai menjual ikan hiasan di Klang kerana menjual ikan larangan pada Rabu.

Padah pameran, jual piranha kedai diserbu pihak berkuasa

KLANG – Tindakan sebuah kedai akuarium menjual dan mempamerkan ikan larangan termasuk piranha mengundang padah apabila diserbu Jabatan Perikanan di sekitar daerah ini kelmarin.

Serbuan itu membawa kepada rampasan pelbagai spesies ikan dengan nilai sitaan berjumlah RM18,000.

Pengarah Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, tindakan penguatkuasaan itu dilakukan pihaknya susulan aduan yang diterima daripada orang awam.

Katanya, masih ada pengusaha yang degil menjual dan mempamerkan spesies ikan hiasan larangan biarpun pelbagai hebahan dan amaran telah dibuat.

"Pemeriksaan mendapati pemilik premis yang diserbu menjual, memelihara, menyimpan dan mempamer famili, genus atau spesies ikan hidup.

"Ia secara jelas melanggar Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import Bagi Ikan) (Pindaan 2024)," katanya.

Beliau memaklumkan, spesies ikan yang dirampas antaranya melibatkan tiga ekor piranha, baung Amazon (15) dan flower horn (10).

Turut dirampas seekor alligator gar, silver dollar (45), tiger shovelnose catfish (16) dan leopard catfish (12).

"Pemilikan ikan larangan tanpa kelulusan sah akan dikenakan tindakan undang-undang yang tegas dan sewajarnya," ujarinya.



ANTARA spesies ikan terlarang yang dirampas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/8/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

'Serangan' lalat jejas perniagaan

Oleh MEGAT LUTFI
MEGAT RAHIM

utusannews@mediamulia.com.my

TAPAH: "Setiap hari ribuan lalat masuk restoran, pelanggan baharu yang tidak sempat duduk pun sudah lari." Itu luahan Syaiful Nizam Abu, 40, pemilik restoran yang sudah lebih 30 tahun beroperasi di pekan kecil ini, namun kini terjejas teruk akibat serangan lalat yang berlarutan lebih sebulan.

Masalah lalat bukanlah perkara asing bagi penduduk Ayer Kuning, namun kali ini luar biasa. Gangguan yang lazimnya reda dalam beberapa hari kini semakin parah hingga memaksa peniaga menge-
luh dan pelanggan menjauh.

"Saya sendiri terpaksa habis-
kan lebih RM20 sehari beli 30
kertas perangkap lalat. Ribuan
ekor melekat setiap hari, tetapi
tetap tak cukup.

"Makanan semua kena tutup
rapat, sebab bimbang lalat berte-
lur. Risiko kesihatan pelanggan
sangat tinggi," katanya kepada
Utusan Malaysia di sini semalam.

Syaiful percaya punca utama
berpunca daripada penggunaan
tinja ayam yang tidak dirawat
untuk pertanian serta penter-
nakan ayam dan khinzir secara
terbuka di sekitar kawasan itu.

"Lalat bukan saja ganggu
restoran, tapi sampai ke rumah



SYAIFUL Nizam Abu
menunjukkan kertas perangkap
dipenuhi lalat di kedai makannya
di Ayer Kuning, Tapah, Perak.
- UTUSAN/MEGAT LUTFI
MEGAT RAHIM

penduduk kampung. Sedang-
kan mereka bukan-pun bela hai-
wan atau tanam sayur," katanya.

Kelmarin, Pengerusi Kesihatan,
Sumber Manusia, Integrasi Na-
sional dan Hal Ehwal Masyarakat
India negeri, A. Sivanesan, berkata
punca gangguan lalat disyaki aki-
bat penggunaan tinja ayam tidak
dirawat dan penternakan haiwan
yang tidak mengikut piawaian ke-
bersihan.